

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS
(SEPANGGAR)**

TARIKH : 02.12.2015 (RABU)

NO. SOALAN : 9

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan bilakah bekalan air bersih dapat
dilaksanakan di kawasan DUN Inanam yang meliputi lebih
39 kampung.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan semakan Kementerian ini dengan pihak Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), kebanyakan kampung yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat terletak di kawasan tinggi dimana tekanan air sedia ada tidak dapat sampai ke kawasan terbabit. Sehubungan itu, Kementerian ini bersama-sama dengan JANS akan mengkaji dan mengenalpasti kaedah yang sesuai untuk membekalkan air bersih kepada penduduk di kawasan yang terlibat.

Selain itu, permohonan ini juga akan diselaraskan dengan senarai pelaksanaan projek yang dicadangkan untuk pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini akan dibuat secara berperingkat dan tertakluk kepada senarai keutamaan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan peruntukan yang diluluskan Kerajaan.